

21/10/2000

Rafidah, Proton dapat perhatian di Eropah

Azman Hamid

DUA produk Malaysia mendapat perhatian di Eropah baru-baru ini - Datuk Seri Rafidah Aziz dan Perusahaan Otomobil Nasional Berhad (Proton).

Mungkin tidak sesuai untuk menyamakan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri itu dengan takrifan produk, dibandingkan Proton.

Tetapi, persamaan itu sebenarnya berdasarkan hasil promosi menarik pelaburan ke Malaysia yang beliau jalankan di Amsterdam, Lyon dan Berlin.

Sebagai ketua misi perdagangan Malaysia ketiga lokasi itu, membawa delegasi usahawan negara menemui pelabur tempatan, secara tidak langsung beliau juga sebahagian daripada produk Malaysia yang akan mempengaruhi pelabur Belanda, Perancis dan Jerman melabur di Kuala Lumpur.

Mengambil kira misi di Amsterdam dan Lyon, beliau menjangkakan pelaburan itu bernilai RM100 juta menerusi persetujuan usahawan Malaysia dan pelabur dua negara berkenaan untuk menjalankan projek dan usaha sama di Malaysia.

Berdasarkan tema "Malaysia - Pusat Keuntungan Anda di Asia", Rafidah melaporkan kemajuan ekonomi Malaysia yang pesat sejak keluar daripada krisis mata wang Asia.

Beliau membentangkan semua perangkaan penting bagi meyakinkan pelabur tempatan di tiga kota besar Eropah itu mengapa mereka wajar menjadikan Malaysia sebagai pusat pelaburan di Asia.

Perangkaan itu termasuk pertumbuhan ekonomi, prestasi import dan eksport, pendapatan per kapita, percukaian dan insentif pelaburan di Malaysia untuk pelabur asing.

Pembentangan di tiga kota itu juga membabitkan tayangan video yang menunjukkan mengenai sektor ekonomi, lokasi menarik percutian dan rakyat Malaysia yang berbilang kaum serta politik stabil tanah air.

Sementara itu, Proton juga mendapat perhatian selepas Perodua Kancil melancarkan model terbaru Kenari di Pameran Kendaraan Antarabangsa Britain di Birmingham.

Selepas pelancaran enjin ciptaan sendiri dengan kerjasama Lotus oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dua minggu lalu, promosi Proton dibuat secara tidak langsung oleh media di sini.

Sejak dua bulan lalu, pelbagai spekulasi disiarkan media tempatan bahawa Proton mahu membeli satu lagi firma kenderaan negara ini, MG Rover, yang menghadapi masalah operasi.

Sekali pun Dr Mahathir sendiri berkata bahawa Proton hanya meninjau enjin Rover manakala Rover juga beberapa kali menafikannya, nama Proton disebut oleh laporan media di sini sebagai pihak yang berpotensi menjadi rakan niaga Rover.

Secara tidak langsung juga, ia menunjukkan Proton antara syarikat kenderaan yang dikenali pada peringkat antarabangsa.

Sehubungan itu juga ia membantu usaha Proton mencari pasaran "niche" di lokasi tertentu, termasuk juga di negara maju, seperti yang dirancang ketua eksekutifnya, Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff.

(END)